

CNS8994

U GB 23-07 00150 BH751

BAH

Mahathir - Pelancongan

PM MAHU PENGUSAHA PELANCONGAN AMBILKIRA KEPENTINGAN ALAM SEKITAR

KOTA KINABALU, 23 Julai (Bernama) -- Para pengusaha pusat pelancongan di negara ini diingatkan supaya mengambilkira kepentingan alam sekitar dalam keghairahan mereka mengaut keuntungan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sumber alam semulajadi yang dimiliki negara ini perlu dibangunkan dengan bijak.

"Pendekatan yang rapi dan bijak akan membolehkan pembangunan pelancongan dijalankan tanpa memusnahkan budaya kita," katanya semasa merasmikan Pusat Pelancongan Sutera Harbour, di sini.

Perdana Menteri berkata, negara ini mempunyai kawasan pantai yang luas serta antara yang paling cantik di dunia, maka kerajaan dan sektor swasta perlu bekerjasama dalam mengenal pasti kawasan yang berpotensi dan harus dibangunkan sebagai pusat pelancongan.

Katanya, kerajaan sedar bahawa satu daripada cara yang paling optimum untuk membangunkan sumber pantai ialah industri pelancongan tetapi ia memerlukan kerjasama yang erat. -- Lagi.

▼23/07/19-56MST

CNS8995

U GB 23-07 00139 BH752

BAH

Mahathir - Pelancongan 2 Kota Kinabalu

Untuk itu, katanya, kerajaan akan memastikan infrastruktur yang cukup disediakan bagi membantu mereka di samping mewujudkan suasana pelaburan yang menarik.

Dr Mahathir berkata, Sabah, sungguhpun berpotensi menjadi sebuah pusat peranginan yang popular di rantau ini masih mempunyai kadar pembangunan pelancongan yang agak rendah dan memerlukan usaha yang lebih pesat untuk mengubah keadaan itu.

Katanya, selain daripada Pusat Peranginan Sutera Harbour, banyak lagi kawasan lain yang boleh dimajukan yang dapat menarik minat lebih ramai lagi pelancongan ke negeri ini.

Terdahulu, Ketua Menteri, Tan Sri Sakaran Dandai berkata, negeri ini sentiasa bersedia menerima pelaburan asing yang berminat untuk menanam modal di Sabah.

Bagaimanapun, katanya, pelaburan itu mestilah dalam bentuk usahasama yang tulen dan ada jaminan bahawa wujudnya pemindahan teknologi kepada usahawan tempatan. -- Lagi.

▼23/07/19-57MST

CNS8996

U GB 23-07 00159 BH753

BAH

Mahathir - Pelancongan 3 (Akhir) Kota Kinabalu

"Ini penting bagi menjamin supaya segala sumber di negeri ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh kedua-dua pihak," katanya.

Sakaran berkata, perasmian projek bernilai Rm1,000 juta itu juga diharap menjadi ransangan kepada lebih ramai lagi pelabur asing untuk menanam modal di negeri ini.

"Perlaksanaan pusat pelancongan ini juga diharap akan memberi kesan positif kepada ekonomi sabah terutamanya terhadap jumlah kedatangan pelancong luar," katanya.

Yang turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah Timbalan-Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohamad Salleh Tun Mohamad Said dan Datuk Joseph Kurup dan Ketua Eksekutif Pusat Peranginan Sutera Harbour Encik Edward Ong.

Pusat peranginan itu yang dijangka siap sepenuhnya pada 1999 akan menyediakan 1,500 bilik hotel dan sebuah padang golf 27 lubang bertaraf antarabangsa.

Ia terletak di kawasan seluas 155 hektar di atas tanah tebusguna menghadap Pulau Gaya dan dimajukan Kumpulan Syarikat OCK dari Singapura. --
Bernama.

ZAA KAM.

▼23/07/19-58MET